

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : SYARIKAT BARU PENGURUSAN SAMPAH**

121. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan satu syarikat baru pengurusan sampah bagi meningkatkan kecekapan pengurusan sampah dan tidak dimonopoli oleh KDEB sahaja?

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui MMKN Ke 7/2016 telah meluluskan cadangan pewujudan dan melantik *Private Management Company* (PMC) kepada Kerajaan Negeri bersama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di Negeri Selangor setelah Kerajaan Negeri mengadakan dua (2) siri kajian bagi menilai keberkesanan serta prestasi perkhidmatan pengurusan kutipan sisa pepejal di semua kawasan PBT. Antara rumusan penemuan bagi kedua-dua kajian ini adalah seperti berikut:-
- 1) Proses penilaian kontraktor sedia ada tidak memuaskan;
  - 2) Tiada penyeragaman skop tender dan kerja;
  - 3) Lori sisa pepejal yang tidak bersesuaian digunakan dan tidak diselenggara dengan baik;
  - 4) Pekerja tidak mengenakan pakaian seragam dan mengabaikan aspek keselamatan serta kebajikan;
  - 5) Data pengurusan sisa pepejal yang amat lemah; dan
  - 6) Pengurusan pusat aduan permasalahan (*hotline*) yang kurang memuaskan dan tidak menyeluruh.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri tidak bercadang untuk mewujudkan satu syarikat baru kerana Kerajaan Negeri telah mewujudkan PMC milik Kerajaan Negeri dengan melantik syarikat Kumpulan Darul Ehsan Berhad Sdn. Bhd. (KDEBWM) sebagai PMC dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam bersepadu secara holistik di seluruh Negeri Selangor. Objektif utama perlantikan sebuah syarikat GLC milik Kerajaan Negeri ini adalah:-

- 1) Bagi memastikan kualiti dan mutu perkhidmatan yang *standard* di semua PBT di Negeri Selangor diberikan tanpa mengira sama ada PBT tersebut

bertaraf bandaraya, perbandaran atau daerah kerana sebelum ini, setiap PBT menguruskan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam mereka sendiri dan ini menyebabkan kualiti serta mutu perkhidmatan di setiap PBT adalah berbeza-beza mengikut kemampuan kewangan PBT masing-masing; dan

- 2) Model PMC ini juga membolehkan semua urusan berkenaan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam dipusatkan (*centralized*) kepada satu entiti milik penuh Kerajaan Negeri iaitu KDEBWM;

Berkenaan dengan isu monopoli, perkara ini perlu dilihat dari perspektif yang berbeza dan tidak seharusnya dianggap sebagai memonopoli industri ini kerana KDEBWM juga sehingga ke hari ini telah melantik lebih 1,000 syarikat sebagai sub-kontraktor bagi kerja-kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam di seluruh Negeri Selangor melalui proses tender terbuka dan pemilihan juga dibuat oleh Jawatankuasa Penilaian Tender berdasarkan kriteria pemilihan yang ketat dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah KDEBWM. KDEBWM juga tertakluk kepada Jawatankuasa Pilihan Agensi, Badan Berkanun Dan Anak Syarikat (JP-ABAS) dan mereka boleh dipanggil untuk memberikan penjelasan sekiranya terdapat sebarang isu-isu berbangkit. Justeru, KDEBWM seharusnya dilihat sebagai sebuah GLC yang telah diberikan mandat untuk menguruskan perkhidmatan kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam bagi pihak Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : WARGA ASING BERNIAGA**

122. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri Selangor akan bertegas untuk mengambil tindakan kepada warga tempatan yang menyewa rumah atau premis perniagaan kepada warga asing?
- b) Apakah Kerajaan Negeri mempunyai pelan pemutihan warga asing tanpa izin di Selangor?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEMERIKSAAN MAJIKAN YANG MENGAMBIL WARGA ASING BEKERJA  
TANPA PERMIT**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah PBT atau pihak yang berkenaan akan membuat pemeriksaan berkala bagi memastikan pemilik perniagaan tidak mengambil warga asing tanpa permit bekerja di syarikat mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi warga asing di premis perniagaan adalah di bawah bidang kuasa PDRM dan Jabatan Imigresen, Malaysia. Walau bagaimanapun, berdasarkan maklumat/ aduan dari agensi berkaitan , PBT boleh mengeluarkan Notis Pembatalan Lesen atas kesalahan pelanggaran syarat lesen. Tindakan Pembatalan Lesen dan sitaan boleh dilaksanakan di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil PBT 2007, UUK Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (PBT) 2007 dan UUK Pelesenan Establisymen Makanan (PBT) 2007.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PENGLIBATAN ADUN DI DALAM MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN  
TEMPATAN**

124. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah pihak PBT mahu mengubah dasar menjemput YB-YB kawasan untuk turut sama berada di dalam mesyuarat kelulusan pembangunan di dalam kawasan YB masing-masing?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan Negeri Selangor Bil 3/2018 pada 28 September 2018 bersetuju agar setiap PBT mengadakan sesi *engagement* atau mesyuarat bersama Ahli Dewan Negeri Selangor dan Parlimen termasuk dari pihak pembangkang sebanyak 4 kali setahun. Selain itu, Ahli Dewan Negeri juga turut dijemput sebagai pemerhati ke Mesyuarat Penuh Majlis dan Penglibatan dalam segi Town Hall pihak Majlis bersama komuniti.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : POLISI MENGAWAL PREMIS PERNIAGAAN DISEWAKAN KEPADA  
WARGA ASING**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah pihak Kerajaan Negeri ada polisi tegas bertindak tegas kepada warga tempatan yang menyewakan premis mereka kepada warga asing untuk berniaga?

**JAWAPAN:**

- a) PBT **tidak membenarkan** warga negara asing menjalankan aktiviti perniagaan perniagaan kecil/ sederhana atau dilesenkan ***di bawah aktiviti penjaja***. PBT meletakkan sekatan pada syarat-syarat lesen iaitu tidak dibenarkan menggunakan pekerja warga asing tanpa izin.

Sebarang permohonan aktiviti penjaja daripada warga negara asing **ditolak** selaras dengan **Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bil 3 Tahun 2008 , Pengeluaran Permit Perniagaan Kecil Oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bil.1/2020-Dasar Aktiviti Penjaja dan Peniaga Kecil di Negeri Selangor.**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : PEMBANGUNAN TANAH PERSENDIRIAN TANPA KEBENARAN**

126. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah Kerajaan Negeri boleh menguatkuasakan peraturan pembangunan tanah persendirian yang berstatus pertanian dan mengawal pembangunan yang tidak terkawal tanpa kebenaran merancang terlebih dahulu daripada Kerajaan Tempatan?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD FAKHRULRAZI BIN MOHD MOKHTAR  
(N42 MERU)**

**TAJUK : TINDAKAN KEPADA PEMEGANG KONSESI KLANG SENTRAL**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat pemaju pemegang konsesi Klang Sentral yang telah gagal menyiapkan projek mereka dan tidak memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh pihak MPK?

**JAWAPAN:**

- a) Pelan susun atur bagi pembangunan Klang Sentral telah disahkan dan didaftarkan sebagai pelan Majlis Bil. MPK/KU/18/2004 pada 10/3/2004.

Bangunan Terminal Bas Klang Sentral & Bangunan kedai pejabat telah mendapat Sijil Layak Menduduki pada 14/11/2008 (terminal) dan 19/01/2004 (kedai pejabat).

Semakan mendapati kegagalan pemaju lebih kepada kegagalan menyempurnakan infrastruktur iaitu jalan dan perparitan. Pihak Majlis akan memastikan pemaju menaiktaraf dan mematuhi spesifikasi jalan sediaada sebagai syarat kelulusan ke atas cadangan projek yang akan datang.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : WARGA TUA TIDAK ADA SUMBER KEWANGAN SELEPAS BERSARA**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan diambil oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan ini yang tidak layak untuk bantuan kebajikan masyarakat?

**JAWAPAN:**

- a) Sehingga kini YAWAS hanya mengendalikan program Jom Shopping SMUE sahaja dan masih belum terima sebarang pemakluman lain.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN NEGERI SELANGOR**

129. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang memberikan peluang perniagaan kepada para belia dan beliawanis untuk memulakan kerjaya dalam bidang perniagaan, pertanian, perladangan, perindustrian dan pelancongan?
- b) Apakah inisiatif yang Kerajaan Negeri bakal lakukan bagi mengatasi masalah pengangguran di kalangan graduan yang berlaku di Negeri Selangor?

**JAWAPAN:**

- b) Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Pembangunan Generasi Muda, Sukan Dan Pembangunan Modal Insan Negeri Selangor akan meneruskan penganjuran Karnival Kerjaya Selangor di Stadium Tertutup Kuala Selangor yang telah ditunda pada 15 Mac 2020 yang lalu kerana Kawalan Pergerakan (PKP) yang telah diumumkan berikutan penularan Covid 19. Karnival kerjaya dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) ini akan menawarkan peluang pekerjaan terbuka kepada rakyat Selangor yang berumur dari 18 hingga 60 tahun. Sebanyak 30 majikan terpilih akan mengadakan temuduga terbuka mengikut garis panduan Majlis Keselamatan Negara yang telah ditetapkan.

Selain itu, perancangan Program Pembangunan Modal Insan pasca Covid 19 berkonsepkan latihan di mana program ini bukan sahaja mensasarkan khusus kepada golongan belia malah terbuka kepada remaja, wanita, veteran, dan komuniti. Program ini akan memfokuskan aspek kemahiran nilai tambah yang dapat menjana pendapatan individu dan juga keluarga. Ini bagi memastikan rakyat Selangor bijak untuk mencari peluang selain membantu mengurangkan kadar pengangguran di Selangor serta menerapkan budaya mencipta pekerjaan sendiri berbanding kebergantungan ekonomi individu terhadap pasaran kerja. Medium latihan adalah terdiri daripada latihan di dalam kelas dan latihan secara maya. Kerajaan Negeri Selangor juga akan berkerjasama dengan pusat latihan seperti Kolej Komuniti dan Giat Mara untuk memperkasa kemahiran dengan nilai tambah bagi rakyat Selangor. Di samping itu, MBI Selangor juga turut mengambil inisiatif dalam perancangan program mempertingkatkan kemahiran belia di mana jaminan pekerjaan akan diberikan kepada peserta program setelah tamat tempoh latihan bersama syarikat-syarikat yang terlibat.

Kerajaan Negeri Selangor mempunyai jalinan kerjasama dengan pihak JobsMalaysia di mana laman web JobsMalaysia berfungsi sebagai padanan dan carian pekerjaan atas talian bagi seluruh rakyat Malaysia. Pencari kerja khususnya graduan boleh mendaftar di laman web [www.jobsmalaysia.gov.my](http://www.jobsmalaysia.gov.my) untuk mencari pekerjaan semasa pasca Covid 19 dan mendapat notifikasi padanan pekerjaan melalui emel yang telah didaftarkan secara percuma.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : LAMBAKAN PUSAT MEMBELI BELAH**

130. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk membendung masalah lambakan pusat membeli belah ini?
- b) Bagaimanakah cara Kerajaan Negeri untuk menjadikan lambakan pusat membeli belah ini sebagai punca ekonomi sesebuah masyarakat?
- c) Apakah usaha yang akan dilakukan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah ini agar tidak berterusan?

**JAWAPAN:**

- a) Pembangunan pusat membeli belah selari dengan kemajuan ekonomi, taraf hidup dan cara hidup masyarakat. Keperluan dan penyediaan pusat membeli belah mampu dikawal dengan menghadkan jumlah pembangunan dan komponen pembangunan melalui pemeraksanaan gunatanah di dalam Dokumen Rancangan Pemajuan iaitu Rancangan Tempatan atau Rancangan Kawasan Khas dengan mengawal plot ratio dan keluasan zon perniagaan serta di peringkat PBT masing-masing.
- b) Lambakan pusat membeli belah ini boleh dijadikan sebagai punca ekonomi dengan membenarkan penggunaan gunasama ruang bagi tujuan sosial, aktiviti masyarakat, majlis keramaian atau tempat berkumpul masyarakat setempat dengan menepati Garis Panduan Dan Piawaian Negeri Selangor Edisi Ke 3 tertakluk semasa kelulusan lesen perniagaan oleh PBT. Walau bagaimanapun bagi tujuan pasaraya atau *hypermarket* dan seumpamanya peniaga di bawah pengusaha asing dikawal oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) sebelum memohon lesen daripada pihak PBT.
- c) Bagi memastikan tiada lambakan pusat membeli belah dan tidak menjejaskan sektor perniagaan sediada, KPDNKK berkenaan telah mensyaratkan suatu proses pandangan awam/ *townhall* diadakan terlebih dahulu oleh PBT bagi mendapatkan maklumbalas ke atas cadangan pasar raya seumpamanya sebelum KPDNKK menimbanginya dengan merujuk kepada Manual Garis Panduan Dan Piawaian Negeri Selangor Edisi Ke 3.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PELUANG PEKERJAAN NEGERI SELANGOR**

131. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa banyak peluang pekerjaan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan dan swasta di Negeri Selangor untuk tahun 2020?

**JAWAPAN:**

- a) Mengikut data yang diperolehi daripada Portal JobsMalaysia di bawah Jabatan Tenaga Kerja, kekosongan jawatan yang ditawarkan oleh majikan dalam negeri Selangor adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KEKOSONGAN</b>
2019	191,089
2020 (sehingga Jun 2020)	72,751

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : KEBANJIRAN WARGA ASING**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah usaha dan langkah-langkah bagi mengatasi banjir warga asing yang menjadi peniaga kedai runcit dan kedai gunting rambut?

**JAWAPAN:**

- a) Usaha dan langkah-langkah bagi mengatasi banjir warga asing yang menjadi peniaga kedai runcit dan kedai gunting rambut adalah dengan sentiasa memberi kerjasama kepada Jabatan Imigresen, Malaysia dalam melaksanakan tindakan penguatkuasaan warga asing tanpa permit yang menjalankan apa-apa aktiviti perniagaan tanpa kelulusan oleh PBT. Tindakan penguatkuasaan dilaksanakan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Undang-Undang yang digunapakai oleh Pihak Berkuasa Tempatan berdasarkan peruntukan undang-undang sedia ada.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : GOLONGAN B40**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah Kerajaan Negeri ada membuat penelitian semula kaedah atau syarat penerima bantuan yang hanya fokus kepada e-Kasih sahaja?

**JAWAPAN:**



**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA BELIA DAN RAKYAT YANG TIADA PEKERJAAN  
TETAP**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah ada mekanisma yang digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi penduduk yang tiada pekerjaan tetap atau pun para belia untuk membantu mereka seperti projek penternakan, projek usahawan, projek buka tanah untuk pertanian dan sebagainya?

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : GOLONGAN MISKIN TEGAR**

135. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah tindakan Kerajaan Negeri Selangor kepada golongan miskin tegar dan miskin serta peluang yang mereka boleh perolehi untuk mengubah nasib mereka?

**JAWAPAN:**

- a) Usaha membasmi kemiskinan dalam kalangan rakyat sentiasa menjadi fokus utama Kerajaan Negeri dengan membantu masyarakat meningkatkan tahap pendapatan dan keadaan sosio ekonomi supaya dapat keluar daripada kitaran kemiskinan. Bagi membolehkan Negeri Selangor mencapai matlamat kemiskinan sifar dalam semua dimensi terutamanya terhadap golongan miskin tegar dan miskin, Kerajaan Negeri sentiasa mengambil pendekatan “peduli rakyat”.

Untuk makluman Yang Berhormat Taman Templer, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa peka kepada golongan miskin tegar dan miskin. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri Selangor tidak ketinggalan dalam menghulurkan bantuan kepada golongan ini. Seperti yang semua sedia maklum, di bawah Jawatankuasa Tetap Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi, Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan yang telah dijalankan sejak 2008 telah berjaya memberi manfaat kepada seramai 4,506 orang miskin di Negeri Selangor dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM14,507,493.10 bantuan yang diberikan adalah berbentuk mesin/ peralatan secara percuma khusus kepada golongan miskin yang menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan sebagai punca mata pencarian.

Tidak ketinggalan juga program bantuan perayaan RM100.00 kepada warga miskin melalui Program Bantuan Baucar Untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan. Program yang telah dilaksanakan sejak 2012 hingga kini itu telah membantu seramai 609,632 orang miskin dalam persediaan menyambut perayaan dengan peruntukan keseluruhan yang telah dibelanjakan sebanyak RM60,963,200.00.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri turut menyediakan peluang kepada golongan miskin tegar dan miskin melalui program-program pembasmian kemiskinan dan pengupayaan ekonomi. Program-program tersebut adalah seperti berikut:-

- Bas Smart Selangor;
- Bantuan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS);
- Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu Pertama;
- Wifi Smart Selangor;
- Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am) di bawah JKM Negeri Selangor;
- Bantuan Bina dan Baiki Rumah Kerajaan Prihatin;
- Bantuan Sihat Selangor;
- Hadiah Pengajian IPT;
- Skim Smart Sewa; dan
- Program Pendidikan Anak-Anak Pekerja Ladang.

Jelaslah bahawa Kerajaan Negeri sentiasa menyediakan peluang saksama kepada golongan miskin untuk turut serta dalam pertumbuhan ekonomi bagi menghasilkan komposisi ekonomi yang seimbang tanpa mengira kaum, jantina dan latar belakang.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : PENCEMARAN SUNGAI**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah insentif oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah pencemaran sungai dan longkang serta saliran di kawasan luar bandar?

**JAWAPAN:**

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR**

- a) Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan sumber air di Selangor sentiasa bersih dan selamat untuk digunakan. Pelbagai usaha telah diambil untuk mengimbangkan pembangunan yang pesat dan penjagaan sumber air.

Berkaitan insentif oleh Kerajaan Negeri bagi mengatasi pencemaran, Kerajaan Negeri melalui LUAS telah menubuhkan Jawatankuasa Pemuliharaan Sungai-sungai Negeri Selangor yang dipengerusikan YB. EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam bagi mempergiatkan usaha dan menggalakkan penglibatan agensi, komuniti, NGO dan pihak berkepentingan dalam aktiviti pemuliharaan sungai-sungai di Negeri Selangor. Melalui Jawatankuasa ini, antara program yang dirancang adalah penubuhan Friends of River di mana program ini meliputi seluruh kawasan di Negeri Selangor yang menggalakkan penglibatan komuniti setempat memelihara dan memulihara sungai/ sumber air di kawasan masing-masing. Bagi tahun 2020, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM400,000.00 bagi Jawatankuasa ini melaksanakan program-program pemuliharaan sungai di negeri ini.

**JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR**

- a) Pada masa kini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pengairan dan Saliran tidak menyediakan insentif bagi mengatasi masalah pencemaran sungai dan longkang serta saliran di kawasan luar bandar. Namun begitu, bagi penjagaan parit atau saliran di kawasan pengairan seperti di Daerah Kuala Selangor dan Daerah Sabak Bernam, pihak jabatan telah melantik Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi menjalankan kerja-kerja pembersihan parit dan saliran di dalam kampung masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA**

**Y.B. TUAN MOHD SANY BIN HAMZAN  
(N15 TAMAN TEMPLER)**

**TAJUK : CABARAN PEKERJAAN PARA GRADUAN**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Selangor untuk menaikkan kebolehpasaran para graduan lepasan UNISEL (Universiti Selangor)? Ini penting kerana para graduan menghadapi begitu banyak cabaran untuk mendapatkan pekerjaan di pasaran kerja.

**JAWAPAN:**

- a) Pendemik Covid-19 ternyata menimbulkan kesan serius kepada pasaran kerja terutama bagi graduan lepasan universiti. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) meramalkan sejumlah 1.25 bilion pekerja terancam di seluruh dunia akibat penularan pandemik COVID-19. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) pula mendapati pandemik ini memberi kesan negatif terhadap pelbagai sektor pekerjaan terutamanya perkhidmatan, logistik, pembuatan dan peruncitan. ILO juga menjangka dunia akan kehilangan 25 juta pekerja sepanjang tahun 2020. Malah kajian Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER) pula mendapati sejumlah 2.4 juta akan hilang pekerjaan.

Keadaan ini tentunya turut memberi kesan ketara kepada kebolehpasaran graduan lepasan UNISEL terutama jika dilihat corak kebolehpasaran di Malaysia yang cukup mencabar sejak tiga tahun kebelakang.

Menyedari hakikat ini, UNISEL menerusi usaha transformasi yang diterajui oleh Naib Canselor sejak 2016 telah mengenalpasti cabaran-cabaran bakal graduannya dan melaksanakan dasar yang mampu menaikkan kebolehpasaran graduannya. Usaha transformasi telah mampu membuatkan para graduan Unisel bersedia termasuk dalam berhadapan dengan impak pasca pandemik dalam era resam baru ini. Antara langkah-langkah yang diambil oleh UNISEL adalah seperti ringkasan berikut:

- i. Melaksanakan dasar pelajar yang holistik dan inklusif bermula 2018. Dasar lengkap ini dinamakan Mahasiswa Budiman, Manusia Idaman dilaksanakan antara tujuan utamanya melahirkan graduan yang benar-benar holistik, punya nilai kemanusiaan tinggi, kreatif dan tahan uji. Modul-modul yang digunakan merangkumi segala aspek dalam menjadikan graduan UNISEL satu jenama dan mampu serta bersedia sebaik sahaja bergraduasi. Ini termasuk

persediaan menjadikan graduan UNISEL lepas-laku dan mampu juga mencipta peluang perniagaan dan kerjaya.

- ii. Melaksanakan program-program keusahawanan, sukarelawan dan persatuan dalam usaha meningkatkan kemahiran/ *soft skills*, kepimpinan, keyakinan diri di kalangan siswa. Ini termasuk menjadikan subjek-subjek Mata Pelajaran Umum (MPU) diselarikan dengan kehendak pasaran dan masyarakat. Ini membolehkan pelajar didedahkan secara praktikal berkaitan aspek-aspek skil dan kepimpinan.
- iii. Penubuhan Jabatan Pembangunan Pelajar dan Latihan di bawah kelola Timbalan Naib Canselor (Pembangunan Pelajar dan jaringan Komuniti). Pelajar didedahkan dengan latihan khusus yang dinamakan VISI Budiman yang menerapkan elemen tahan uji bagi menyediakan pelajar yang mampu bersaing di pasaran pekerjaan atau apa jua bidang yang diceburi. Turut dilaksanakan adalah bengkel berkaitan seperti penyediaan resume, kursus protokol/tatarias, kemahiran komunikasi & Bahasa serta literasi perniagaan turut disertakan.
- iv. Pemantapan Praktikum – UNISEL melaksanakan dasar penempatan pelajar di sektor industri utama dan yang bertaraf MNC bagi mendedahkan para pelajar dengan industri sebenar.
- v. Langkah drastik juga diadakan bagi pepadanan (*mapping*) kurikulum universiti dengan kehendak pasaran pekerjaan semasa. Ini juga selari dengan fokus UNISEL terhadap program-program akademik yang mampu membuka peluang pekerjaan dalam tempoh singkat dan bertepatan dengan kehendak pasaran pekerjaan semasa.
- vi. Penganjuran karnival kerjaya peringkat negeri dan kerjasama portal kerjaya turut dijalin dengan pelbagai organisasi. Antaranya karnival kerjaya negeri Selangor (*jobvaganza*), Bengkel keterampilan bina kerjaya serta jaringan kerjasama dengan portal seperti Pikoje.com.
- vii. Mengadakan kerjasama melaksanakan pelbagai program keusahawanan untuk siswa oleh syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan Negeri Selangor seperti PKNS dan Hijrah.
- viii. Selain itu, UNISEL turut mengadakan MoU dengan pelbagai organisasi dalam memberi jaminan peluang latihan dan kerjaya kepada bakal graduan.

MoU terbaru adalah bersama SELGATE pada bulan Jun 2020 bagi memberi ruang kepada bakal graduan Fakulti Sains Kesihatan untuk mendapat pendedahan dan peluang kerjaya.

- ix. Mengukuhkan pembangunan sahsiah dan akhlak bakal graduan. Usaha mikro ini antaranya untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, malah punya jati diri sebagai insan budiman yang mampu dijadikan contoh. Usaha ini memberi nilai tambah yang sangat baik buat bakal graduan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI  
(N43 SEMENTA)**

**TAJUK : BAIK PULIH PANGSAPURI**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Selain menunggu aduan, apakah langkah Kerajaan Negeri dalam mengenalpasti pangsapuri bermasalah dan uzur di Selangor?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah bumbung rosak di Pangsapuri Seri Sementa?

**JAWAPAN:**

- a) Di Negeri Selangor, sebahagian besar bandarnya telah berusia sekitar 40 tahun. Faktor-faktor perubahan masa dan kesesuaian pembangunan masa kini, banyak kawasan penempatan tersebut perlu diberi nafas baru. Malahan, pada masa kini banyak aduan dan laporan tentang masalah pangsapuri-pangsapuri yang mengalami keretakan bangunan dan kerosakan infrastruktur. Contohnya seperti apa yang berlaku di Flat Taman Keramat Permai. Justeru itu, Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor Bil. 2/2020 bertarikh 30 Jun 2020 telah meluluskan Garis Panduan Pembaharuan Semula (Urban Renewal) Penempatan Bandar Di Negeri Selangor tanpa sebarang pindaan. Garis panduan ini sangat penting kerana kandungannya memperincikan Dasar Pembaharuan Semula Bandar, termasuk hal berkaitan 'redevelopment' di Negeri Selangor dan selaras dengan segala hal berkaitan perundangan sedia ada. Pendekatan pembaharuan bandar ini sebagai satu mekanisme bagi membantu meningkatkan kualiti persekitaran kehidupan penduduk di bandar terutama yang tinggal di pangsapuri-pangsapuri kos rendah.

Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dalam usaha untuk mengenalpasti pangsapuri bermasalah dan uzur terutamanya pangsapuri kos rendah telah membangunkan satu sistem Pengurusan Kewangan Pangsapuri (E-COB) yang digunapakai di setiap Bahagian/Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB). Sistem ini menjadi pangkalan data untuk menyemak maklumat pangsapuri dan pengurusan kewangan badan pengurusan bersama (JMB) di setiap kawasan yang dikawal selia oleh PBT. LPHS dari semasa ke semasa akan menyemak setiap data yang dilengkapkan oleh COB untuk dijadikan laporan berkala di peringkat negeri. Mulai tahun 2018, Kerajaan Negeri juga melaksanakan program Pemberdayaan Komuniti atau K-Squad untuk menyelesaikan isu pangsapuri-pangsapuri kos rendah yang bermasalah atau gagal menubuhkan



Pengurusan Badan Pengurusan (JMB). Program ini mengambil kira Pesuruhjaya Bangunan (COB), di Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai kuasa untuk melantik ejen pengurusan di bawah Seksyen 86 Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757] bagi mengambil alih pangsapuri yang gagal ditubuhkan JMB. Namun demikian, kuasa tersebut sukar dilaksanakan secara efektif kerana tiada ejen pengurusan yang berminat untuk menguruskan bangunan terutama melibatkan jenis kos rendah yang telah uzur memandangkan kos penyenggaraan yang amat tinggi.

- b) Kerajaan Negeri telah mengambilmaklum permasalahan bumbung rosak di Pangsapuri Seri Sementa, Klang. Kos baik pulih bumbung adalah merangkumi kerja-kerja penukaran bumbung, kekuda bumbung serta lapisan kalis air (sekiranya perlu) di mana ianya memerlukan kos yang tinggi untuk dibaik pulih. Justeru itu, Badan Pengurusan Bersama (JMB) Pangsapuri Seri Sementa boleh memohon bantuan skim CERIA yang dikawal selia oleh LPHS untuk kerja-kerja pembaikan bumbung tersebut. Walau bagaimanapun, ia tertakluk kepada baki peruntukan semasa tahunan CERIA dan kriteria yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : PASUKAN KHAS COVID19 NEGERI**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan kerjasama pasukan ini dengan pasukan di peringkat persekutuan.
- b) Sehingga bila pasukan ini akan diwujudkan?
- c) Nyatakan secara terperinci pecahan perbelanjaan pasukan ini dari mula hingga sekarang.

**JAWAPAN:**

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK : KUTIPAN PREMIUM TANAH**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah formula menentukan jumlah premium?
- b) Nyatakan prestasi kutipan premium tanah dari 2017-2019.
- c) Nyatakan keluasan tanah yang telah diambil semula kerana kegagalan pemilik asal membayar premium dari 2017-2019.

**JAWAPAN:**

- a) Formula penentuan premium hasil tanah adalah berdasarkan jenis permohonan yang dipohon mengikut seksyen di dalam Kanun Tanah Negara 1965, Kaedah Tanah Negeri Selangor dan Pekeliling-Pekeliling Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor yang masih berkuatkuasa;
- b) Prestasi kutipan premium bagi tahun 2017 - 2019 adalah seperti berikut:

<b>Tahun</b>	<b>Kutipan Hasil Premium Tanah (RM)</b>
2017	RM1,539,971,529.96
2018	RM627,746,723.16
2019	RM1,077,105,049.67

- c) Merujuk kepada pertanyaan berkaitan keluasan tanah yang telah diambil semula kerana kegagalan pemilik asal membayar premium dari tahun 2017 hingga 2019, ingin dimaklumkan bahawa tiada istilah tanah diambil semula atau dirampas sekiranya pemilik gagal membayar premium.

Perampasan tanah oleh Pihak Berkuasa Negeri adalah berdasarkan kepada dua (2) faktor iaitu kegagalan pemilik tanah untuk membayar cukai tanah (Seksyen 100 KTN) dan apabila berlakunya pelanggaran syarat nyata tanah.